

## **SYARAT LANTIKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :**

### **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 - KONTRAK**

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,353.00); atau
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,409.40); atau
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,465.80); atau
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).
- b. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PEMBANTU OPERASI GRED N11 – TETAP**  
**PEMBANTU OPERASI GRED N11 – KONTRAK**

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
    - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).
- b. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PEMANDU KENDERAAN GRED H11 - KONTRAK**

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia;
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
    - lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
    - berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
    - Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	RM 1,264.15
Lesen E/E1/E2	RM 1,310.30
Lesen F/H	RM 1,356.45
Lesen G/I	RM 1,402.60

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## Cara Memohon

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan PERZIM.
- b. **Borang Perjawatan** dan syarat-syarat permohonan boleh dimuat turun dari laman web PERZIM : [www.perzim.gov.my](http://www.perzim.gov.my) . Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu Borang Perjawatan sahaja.
- c. Permohonan daripada mereka yang *sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan* dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemas kini.
- d. Semua permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah menyertakan **salinan sijil** atau **dokumen** berkaitan **YANG DISAHKAN** mengikut kelayakan yang disyaratkan seperti berikut.:
  - i) Sekeping gambar berukuran pasport;
  - ii) Salinan Kad Pengenalan baru;
  - iii) Salinan Sijil Kelahiran; dan
  - iv) Salinan sijil/kelulusan persekolahan
- e. Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** tidak akan diproses dan **AKAN DITOLAK** :
  - i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
  - ii) borang tidak diisi dengan lengkap;
  - iii) tidak ditulis nombor Kad Pengenalan;
  - iv) tidak ditandatangani;
  - v) tiada gambar berukuran pasport
- f. Borang boleh dimuat turun di laman web PERZIM mulai **01 Februari 2017** dan *tarikh akhir* borang boleh dicetak pada **15 Februari 2017**.
- g. Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.

Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGURUS BESAR  
PERBADANAN MUZIUM MELAKA  
KOMPLEKS WARISAN MELAKA  
JALAN KOTA,  
75000 MELAKA.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 Februari 2017**

### **CATATAN:**

- i) Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii) Permohonan – permohonan yang ***TIDAK MENERIMA SEBARANG JAWAPAN SELEPAS 6 BULAN DARI TARIKH TUTUP IKLAN*** dianggap ***TIDAK BERJAYA***



PERBADANAN MUZIUM MELAKA  
KOMPLEKS WARISAN MELAKA  
JALAN KOTA  
75000 MELAKA

TEL : 06-3333333 samb 3700 FAKS : 06-2826745

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan **Keutamaan diberikan kepada ANAK NEGERI MELAKA** yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun bagi mengisi jawatan **TETAP dan KONTRAK** di **PERBADANAN MUZIUM MELAKA (PERZIM)**.

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
							MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W19	KEWANGAN	PELAKSANA	KONTRAK	1	RM 1,353.00	RM 4,005.00	RM 100.00
2.	PEMBANTU OPERASI	N11	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PELAKSANA	TETAP	1	RM1,216.00	RM2,983.00	RM 80.00
3.	PEMBANTU OPERASI	N11	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PELAKSANA	KONTRAK	2	RM1,216.00	RM2,983.00	RM 80.00
4.	PEMANDU KENDERAAN	H11	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PELAKSANA	KONTRAK	1	RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00